

FSSA UMS Terima 15 Pelajar Baharu Pascasiswazah

Terakhir dikemaskini: Rabu, 28 Ogos 2019 15:04 | [Cetak](#) Jumlah paparan: 140

[Kongsi 0](#)[Syorkan 0](#)[Kongsi](#)

Tweet

Share



RABU, 28 OGOS -
Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA), Universiti Malaysia Sabah telah menerima seramai 15 orang pelajar

pascasiswazah baharu yang mendaftar bagi Semester 1 Sesi 2019/2020 pada 17 Ogos lalu.

Kumpulan pelajar baharu tersebut telah diraikan dalam Majlis Suai Mesra Bersama Fakulti yang dijalankan di Bilik Mesyuarat Al-Khindi, Kompleks Sains dan Teknologi baru-baru ini.

Dekan FSSA, Prof Dr. Baba Musta ketika berucap pada majlis tersebut berkata, pihak FSSA amat mengalukan kehadiran pelajar baharu pascasiswazah FSSA serta melahirkan penghargaan kepada semua pelajar kerana telah memilih FSSA sebagai destinasi ilmu untuk melanjutkan pengajian dalam bidang-bidang kepakaran yang ditawarkan di fakulti.

Beliau juga turut menzahirkan hasrat agar para pelajar dapat menggunakan peluang yang ada sebaik-baiknya untuk memastikan pelajar dapat bergraduat dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Pada akhir majlis itu, satu sesi taklimat berkaitan tatacara dan prosedur pengajian pascasiswazah peringkat fakulti telah disampaikan Penyelaras Pascasiswazah FSSA, Dr. Newati Wid kepada semua lima pelajar Doktor Falsafah dan 10 pelajar Sarjana baharu bagi menerangkan secara ringkas prosedur dan tatacara permohonan pelajar, pembentangan dan laporan kemajuan pelajar, menghadiri seminar atau bengkel dan penulisan tesis penyelidikan yang diguna pakai di peringkat fakulti.

Sumber : Kenny Uwai, FSSA